



KEMENTERIAN PENGANGKUTAN

**UCAPAN SIDANG MEDIA
MENTERI PENGANGKUTAN**

**PERKHIDMATAN PENGANGKUTAN AWAM ISTIMEWA
SEMPENA PERAYAAN 2026**

**20 JANUARI 2026 (SELASA)
STESEN KL SENTRAL**

PENDAHULUAN

1. Salam sejahtera dan Salam Malaysia MADANI. Hari ini, saya ingin mengumumkan **beberapa inisiatif perkhidmatan pengangkutan awam** sempena sambutan Thaipusam 2026, khususnya bagi menyokong kelancaran pergerakan orang ramai ke Batu Caves, yang dianggarkan seramai 2.5 juta pengunjung.
2. Selain itu, Kerajaan juga akan memanjangkan inisiatif perkhidmatan istimewa ini kepada Tahun Baru Cina dan Hari Raya Aidilfitri yang berlangsung dalam suku pertama 2026.

OPERASI TREN, BAS DAN FERI SEMPENA THAIPUSAM 2026

i) KTM Komuter

3. Bagi memastikan keselesaan dan kemudahan pengguna, Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) akan melaksanakan **jadual perkhidmatan khas sempena Thaipusam** dengan penambahan perkhidmatan ke Stesen Batu Caves.
4. Untuk makluman, pada **tahun 2025** seramai 434 ribu penumpang telah menggunakan perkhidmatan KTM

Komuter sepanjang tempoh ini dengan 494 perkhidmatan tambahan ditawarkan.

5. Pada tahun ini, KTMB akan menyediakan **perkhidmatan tambahan KTM Komuter yang akan beroperasi 24 jam selama empat (4) hari tiga (3) malam**, bermula **30 Januari hingga 2 Februari 2026**. Inisiatif ini dijangka akan memanfaatkan sehingga 700 ribu pengguna terutamanya bagi memenuhi keperluan permintaan penumpang yang ingin menyaksikan keunikan sambutan Thaipusam di Batu Caves.
6. Secara terperinci, **operasi keseluruhan perkhidmatan komuter ini adalah sebanyak 609 trip** iaitu peningkatan 23% berbanding tahun lepas dengan laluan seperti berikut:
 - 302 perkhidmatan bagi laluan Batu Caves – Pulau Sebang – Batu Caves;
 - 165 perkhidmatan bagi laluan Batu Caves – Pelabuhan Klang – Batu Caves; dan
 - 142 perkhidmatan bagi laluan Tanjong Malim – KL Sentral – Tanjong Malim (*transit tren ke KL Sentral*)
7. Pada hari biasa, perkhidmatan komuter beroperasi dengan 98 trip sehari dan bersempena dengan perayaan Thaipusam pada tahun ini, KTM Komuter akan **beroperasi dengan**

tambahan trip perjalanan sebanyak 216 bagi laluan ke Batu Caves.

8. Perkhidmatan tren tambahan ini akan bermula selepas tren terakhir pada setiap hari, dengan waktu perkhidmatan seawal jam **9.15 malam bagi laluan dari Stesen Pulau Sebang ke Batu Caves**, dan seawal jam **10.25 malam bagi tren dari Stesen Pelabuhan Klang ke Batu Caves**.
9. Bagi pengguna dari KL Sentral pula, perkhidmatan tren tambahan ke Stesen Batu Caves akan diselang di antara perkhidmatan sedia ada bermula dari jam **7.32 pagi, menjadikan kekerapan lebih baik iaitu setiap 30 minit**.
10. Sebanyak **28 stesen KTMB akan beroperasi 24 jam** bagi membantu aliran keluar masuk penumpang di stesen serta membantu golongan yang memerlukan seperti warga emas, OKU, wanita mengandung serta kanak-kanak.
11. Selain itu, untuk mengelakkan kesesakan, para pengguna boleh menaiki perkhidmatan LRT atau MRT dan membuat pertukaran di sembilan (9) stesen untuk ke Batu Caves iaitu di KL Sentral, Kuala Lumpur, Putra, Bank Negara, Subang Jaya, Bandar Tasik Selatan, Kajang, Kg. Batu dan Sungai Buloh.

ii) Perkhidmatan Tren Elektrik (ETS)

12. **Lapan (8) perkhidmatan tren elektrik (ETS)** akan turut ditambah bagi pecahan laluan seperti berikut:

- i. JB Sentral – Butterworth – JB Sentral (2 trip)
- ii. JB Sentral – KL Sentral – JB Sentral (2 trip)
- iii. KL Sentral – Ipoh – KL Sentral (2 trip)
- iv. KL Sentral – Butterworth – KL Sentral (2 trip)

13. Tren tambahan ini akan beroperasi pada 29 Januari sehingga 3 Februari dengan 10,080 tiket ditawarkan bagi tempoh ini. Jualan tiket akan mula dibuka pada 26 Januari 2026 (Isnin).

iii) Perkhidmatan Bas dan Feri

14. Dalam usaha melancarkan pergerakan orang ramai sempena sambutan Thaipusam 2026, Prasarana Malaysia Berhad melalui Rapid KL dan Rapid Penang **akan menyediakan perkhidmatan *bas shuttle* percuma di Kuala Lumpur dan Pulau Pinang.** Di Kuala Lumpur, sebanyak 30 buah bas *shuttle* akan beroperasi merangkumi tiga laluan utama iaitu dari Hab Bandar Pasar Seni, LRT

Gombak dan MRT Kg. Batu ke Batu Caves, dengan kekerapan setiap 10 minit.

15. Perkhidmatan ini akan beroperasi bermula jam 6.00 pagi hingga 12.00 tengah malam pada 31 Januari 2026, dan diteruskan sepanjang 24 jam pada 1 Februari 2026.
16. Sementara itu di Pulau Pinang, Rapid Penang akan menyediakan perkhidmatan bas *shuttle* percuma dari Jeti perkhidmatan feri ke Adventist menggunakan 12 buah bas, dengan kekerapan antara 20 hingga 60 minit bergantung kepada jadual perjalanan feri. Tambahan pula, Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang (SPPP) dan Penang Port Sdn Bhd akan menawarkan perkhidmatan feri percuma pada 31 Januari sehingga 2 Februari (53 jam), dengan lanjutan perkhidmatan sehingga jam 3.00 pagi pada 2 Februari 2026.
17. Pada 1 Februari 2026 ini, pengendali BAS.MY juga akan menyediakan perkhidmatan tambahan secara percuma di sekitar **di lima buah bandar iaitu Johor Bahru, Seremban, Ipoh, Kota Setar dan Sungai Petani** untuk memudahkan penganut-penganut agama Hindu menggunakan perkhidmatan BAS.MY ke lokasi perayaan di kuil-kuil berdekatan.

18. Berikut adalah laluan perkhidmatan BAS.MY yang boleh dinaiki:

- a) BAS.MY Johor Bahru: 11 laluan sedia ada (menghubungkan Kuil Arulmigu Sri Muniswarar Ulu Tiram, Kuil Sri Subramaniam Masai & Kuil Sri Maha Siva Muniswarar Tampoi);
- b) BAS.MY Seremban: 10 laluan sedia ada (berhampiran Kuil Sri Balathandayuthapani Seremban);
- c) BAS.MY Ipoh: dua (2) laluan termasuk satu (1) laluan khas dari Medan Kidd ke Kuil Sri Subramaniam, Gunung Cheroh, Ipoh; dan
- d) BAS.MY Kota Setar: lima (5) laluan berhampiran Kuil Subramaniam Swami Devasthanam, Sungai Petani.

Perkhidmatan ini akan menggunakan sebanyak **169 unit bas keseluruhan.**

TAMBANG PERCUMA (*FREE RIDE*)

19. Sebagai inisiatif Kerajaan untuk menjadikan sambutan Thaipusam lebih bermakna, terutamanya kepada penganut agama Hindu, Kementerian Pengangkutan melalui KTMB dengan sukacitanya mengumumkan pemberian tambang percuma kepada penumpang KTM Komuter Lembah Klang

selama dua (2) hari, iaitu pada 31 Januari 2026 dan 1 Februari 2026. Tambang percuma ini akan bermula pada 12.00 tengah malam sehingga 11.59 malam, dengan mekanisme imbasan keluar (check out) melalui pintu automatik (ACG).

20. Jadi, bagi tempoh dua (2) hari ini, kita menjangkakan kapasiti penuh penumpang dengan unjuran sehingga 450 ribu orang akan menggunakan perkhidmatan komuter untuk berulangalik Batu Caves. Terima kasih diucapkan kepada pihak Perbadanan Aset Keretapi (RAC) atas kerjasama dalam pemberian tambang percuma ini.

PERSIAPAN DAN KESELAMATAN DI STESEN KTMB

21. Sejak awal Januari 2026, KTMB telah membuat persediaan rapi untuk memastikan aliran penumpang ke Kuil Sri Subramaniam Swamy, Batu Caves, berjalan lancar. Antara langkah yang diambil adalah penambahbaikan aturan keluar masuk penumpang, susun atur bahagian menunggu, serta penempatan seramai 250 kakitangan yang bertugas sepanjang tempoh operasi tren tambahan ini.

22. Bagi aspek keselamatan, anggota Polis Bantuan turut ditugaskan bersama kakitangan operasi, jurutera, dan kakitangan teknikal bagi memastikan keadaan set-set tren adalah optimum dan selamat untuk perjalanan.
23. KTMB turut mendapatkan sokongan pasukan perubatan daripada Hospital Selayang serta St. John Ambulance, yang akan bersiap sedia di Stesen Batu Caves bagi memberikan bantuan kecemasan dengan segera sekiranya diperlukan, demi memastikan keselamatan dan kesejahteraan pengguna sepanjang program berlangsung.

TIKET PERJALANAN DAN TRANSAKSI TANPA TUNAI (CASHLESS)

24. Bagi memudahkan para pengguna, semua pembayaran, termasuk tiket percuma, dilaksanakan secara tanpa tunai menggunakan aplikasi KITS Style, Kad Komuter Link, Kad Touch 'N Go, kad debit atau kredit, kiosk tiket serta kaunter tiket.
25. Bagi penumpang warga emas dan Orang Kurang Upaya (OKU), mereka diberi diskaun khas sebanyak 50%, manakala kanak-kanak berumur tiga (3) tahun dan ke bawah

serta pengguna MyRailLife tidak dikenakan tambang melalui inisiatif MyRailLife.

26. Sehubungan itu, saya menyarankan kumpulan yang layak untuk mendaftar MyRailLife sama ada di kaunter KTMB yang berhampiran atau melalui aplikasi KITS Style, bagi membolehkan mereka menikmati tambang percuma sepanjang tahun 2026.

ETS TAMBAHAN SEMPENA CNY & RAYA

Tahun Baru Cina

27. Saya dimaklumkan bahawa tiket ETS untuk Tahun Baru Cina telah hampir habis dijual pada ketika ini. Oleh itu, KTMB akan menambah perkhidmatan ETS pada 13 Februari sehingga 22 Februari bagi laluan seperti berikut:

Laluan	Tarikh Larian	Trip
KL Sentral – Butterworth – KL Sentral	14 – 16 Februari 2026 20 – 22 Februari 2026	2 trip sehari

KL Sentral – Ipoh – KL Sentral	14 – 16 Februari 2026 20 – 22 Februari 2026	2 trip sehari
KL Sentral – Padang Besar – KL Sentral	13 – 22 Februari 2026	2 trip sehari
JB Sentral – KL Sentral – JB Sentral	13 – 22 Februari 2026	2 trip sehari

28. Sebanyak 26,460 tiket ditawarkan bagi tempoh ini.

29. Ini menjadikan jumlah keseluruhan perkhidmatan ETS yang akan beroperasi sempena Tahun Baharu Cina adalah sebanyak maksimum 52 trip/ sehari.

30. Jualan tiket bagi perkhidmatan tambahan ETS sempena Tahun Baru Cina ini adalah pada 29 Januari 2026.

Hari Raya Aidilfitri

31. Mengikut rekod, pada masa ini 44% tiket untuk Hari Raya Aidilfitri telah terjual dan kita menjangkakan ia akan habis terjual sekitar Februari ini.

32. Oleh itu, bagi menampung permintaan daripada para pengguna untuk pulang ke kampung sempena Hari Raya ini, KTMB turut menambah perkhidmatan ETS dengan menawarkan 8 perkhidmatan pada tarikh 13 sehingga 29 Mac 2026 bagi laluan seperti berikut:

Laluan	Tarikh Larian	Trip
JB Sentral – KL Sentral – JB Sentral	13 – 29 Mac 2026	2 trip sehari
KL Sentral – Padang Besar – KL Sentral	13 – 29 Mac 2026	2 trip sehari
KL Sentral – Ipoh – KL Sentral	16 – 20 Mac 2026 23 – 29 Mac 2026	2 trip sehari
KL Sentral – Butterworth – KL Sentral	16 – 20 Mac 2026 23 – 29 Mac 2026	2 trip sehari

33. Sebanyak 36,540 tiket ditawarkan bagi tempoh ini.

34. Ini menjadikan jumlah keseluruhan perkhidmatan ETS yang akan beroperasi sempena Hari Raya Aidilfitri adalah sebanyak maksimum 52 trip/ sehari.
35. Jualan tiket bagi perkhidmatan tambahan ETS sempena Hari Raya Aidilfitri ini adalah pada 1 Mac 2026.

PENUTUP

36. Saya berharap agar semua rakyat yang ingin menggunakan pengangkutan awam sempena Thaipusam 2026 dapat merancang perjalanan mereka dengan rapi dan memberikan kerjasama kepada kakitangan yang bertugas.
37. Marilah bersama-sama memastikan perjalanan sepanjang sambutan perayaan ini selamat, lancar, dan penuh makna dalam menyambut perayaan yang sangat kita hargai ini.

Sekian, terima kasih.

[TAMAT]